



MELAKA

ENAKMEN 6 TAHUN 1991 ENAKMEN KESALAHAN SYARIAH (NEGERI MELAKA) 1991

Tarikh Persetujuan DiRaja :	25 Oktober 1991
Tarikh disiarkan dalam <i>Warta</i> :	5 Disember 1991
Tarikh mula berkuatkuasa :	1 Januari 1992 [M.P.U. 7/92]

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I - PERMULAAN

BAHAGIAN II - KECUALIAN AM

BAHAGIAN III - SUBAHAT

BAHAGIAN IV - KESALAHAN-KESALAHAN LAIN

**ENAKMEN 6 TAHUN 1991
ENAKMEN KESALAHAN SYARIAH (NEGERI MELAKA) 1991**

Tajuk Panjang & Mukadimah

SAYA PERKENANKAN,

TUN DATUK SERI UTAMA
SYED AHMAD AL-HAJ BIN SYED
MAHMUD SHAHABUDIN,
*Yang di-Pertua Negeri,
Negeri Melaka*

25hb. Oktober, 1991

Suatu Enakmen bagi memperuntukkan tentang kesalahan-kesalahan syariah dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

ADALAH DENGAN INI DIKANUNKAN oleh Kuasa Undangan Negeri Melaka seperti berikut:

BAHAGIAN I - PERMULAAN

- Seksyen 1. [Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.](#)
Seksyen 2. [Tafsiran.](#)
Seksyen 3. [Kecualian prerogatif.](#)

BAHAGIAN II - KECUALIAN AM

- Seksyen 4. [Perbuatan yang dilakukan oleh seseorang yang terpaksa, atau oleh kerana silap faham fakta percaya dirinya terpaksa, di sisi undang-undang.](#)
Seksyen 5. [Perbuatan Hakim bila bertindak secara kehakiman.](#)
Seksyen 6. [Perbuatan yang dilakukan menurut hukuman atau perintah mahkamah.](#)
Seksyen 7. [Perbuatan yang dilakukan oleh seseorang yang dibenarkan oleh undang-undang atau oleh kerana silap faham fakta percaya dirinya dibenarkan oleh undang-undang.](#)
Seksyen 8. [Melakukan dengan tidak sengaja perbuatan yang sah di sisi undang-undang.](#)
Seksyen 9. [Perbuatan yang mungkin menyebabkan kerosakan tetapi dilakukan dengan tiada niat jenayah, dan bagi menahan lain-lain kerosakan yang lebih berat](#)
Seksyen 10. [Perbuatan kanak-kanak yang belum baligh.](#)
Seksyen 11. [Perbuatan seseorang yang tidak sempurna akal.](#)
Seksyen 12. [Bila mabuk menjadi suatu pembelaan.](#)
Seksyen 13. [Pembelaan mabuk bila dipastikan.](#)
Seksyen 14. [Perbuatan yang tidak diniat dan tidak diketahui sebagai mungkin menyebabkan kematian atau cedera parah, dilakukan dengan kerelaan.](#)
Seksyen 15. [Perbuatan yang tidak diniatkan bagi menyebabkan kematian, dilakukan dengan kerelaan dengan sucihati untuk faedah seseorang.](#)

- Seksyen 16. [Perbuatan dilakukan dengan sucihati untuk faedah kanak-kanak atau orang yang tidak](#)

- sempurna akal, oleh atau dengan kerelaan penjaga.
- Seksyen 17. Kerelaan yang diketahui diberi dalam keadaan takut atau salah faham.
- Seksyen 18. Perbuatan yang sendirinya menjadi kesalahan dengan tidak bergantung kepada kerosakan yang disebabkan kepada orang yang memberi kerelaan tidak termasuk dalam kecualian dalam seksyen 14, 15 dan 16.
- Seksyen 19. Perbuatan dilakukan dengan suhiti untuk faedah seseorang dengan tiada kerelaan.
- Seksyen 20. Pemakluman dibuat dengan suhiti.
- Seksyen 21. Perbuatan yang seseorang terpaksa melakukannya oleh kerana ugutan.
- Seksyen 22. Perbuatan yang menyebabkan kerosakan kecil.
- Seksyen 23. Mempertahankan diri dan hak tidak menjadi kesalahan.
- Seksyen 24. Mempertahankan diri dan harta.
- Seksyen 25. Hak mempertahankan diri terhadap seseorang yang tidak sempurna akal.
- Seksyen 26. Perbuatan yang tiada hak mempertahankan diri.
- Seksyen 27. Bila hak mempertahankan diri mengenai tubuh termasuk menyebabkan kematian.
- Seksyen 28. Bila hak itu termasuk menyebabkan apa-apa kerosakan yang lain daripada kematian.
- Seksyen 29. Bila hak mempertahankan diri mengenai tubuh bermula dan masih ada.
- Seksyen 30. Bila hak mempertahankan harta termasuk menyebabkan kematian.
- Seksyen 31. Bila hak itu termasuk menyebabkan apa-apa kerosakan yang lain daripada kematian.
- Seksyen 32. Bila hak mempertahankan harta bermula dan masih ada.
- Seksyen 33. Hak mempertahankan diri terhadap serangan yang boleh menyebabkan kematian bila ada kerosakan kepada seseorang yang tidak bersalah.

BAHAGIAN III - SUBAHAT

- Seksyen 34. Menyubahati sesuatu perkara.
- Seksyen 35. Pensubahat.
- Seksyen 36. Menyubahati dalam negeri Melaka kesalahan di luar negeri Melaka.
- Seksyen 37. Seksaan bagi subahat jika perbuatan yang disubahati itu dilakukan oleh sebabnya, dan jika tiada peruntukan yang nyata dibuat bagi seksaannya.
- Seksyen 38. Seksaan bagi subahat jika orang yang disubahati itu melakukan perbuatan dengan niat yang lain daripada niat pensubahat.
- Seksyen 39. Tanggungan pensubahat bila suatu perbuatan disubahati dan suatu perbuatan yang lain dilakukan.
- Seksyen 40. Bila pensubahat boleh dikenakan seksaan tambahan bagi perbuatan yang disubahati dan bagi perbuatan yang dilakukan.
- Seksyen 41. Tanggungan pensubahat kerana kesalahan yang disebabkan oleh perbuatan yang disubahati itu lain daripada yang dimaksudkan oleh pensubahat.
- Seksyen 42. Pensubahat hadir manakala kesalahan dilakukan.
- Seksyen 43. Menyubahati kesalahan yang boleh disiksa dengan bunuh atau penjara seumur hidup.
- Seksyen 44. Menyubahati kesalahan dilakukan oleh orang awam, atau oleh seramai lebih daripada sepuluh orang.
- Seksyen 45. Pegawai masjid menyembunyikan rancangan hendak melakukan kesalahan yang mana adalah kewajipannya mencegah.

BAHAGIAN IV - KESALAHAN-KESALAHAN LAIN

- Seksyen 46. Tidak menunaikan sembahyang Jumaat.
- Seksyen 47. Fatwa tidak sah.
- Seksyen 48. Penerbitan agama yang berlawanan dengan hukum syarak.
- Seksyen 49. Menjual makanan dan makan dalam bulan Ramadan.
- Seksyen 50. Minuman yang memabukkan.
- Seksyen 51. Anggapan.
- Seksyen 52. Percubaan persetubuhan haram.
- Seksyen 53. Bersekediaman.
- Seksyen 54. Hamil di luar nikah.

Seksyen 55. Bersubahat melakukan kesalahan persetubuhan haram.
Seksyen 56. Liwat.
Seksyen 57. Percubaan liwat.
Seksyen 58. Perhubungan jenis luar tabii.
Seksyen 59. Musahagah.
Seksyen 60. Ajaran salah.
Seksyen 61. Mempermainkan ayat al-Quran atau hadis.
Seksyen 62. Mempersendakan agama Islam.
Seksyen 63. Menghina agama Islam.
Seksyen 64. Menghalang pihak berkuasa agama menjalankan tugas-tugasnya.
Seksyen 65. Menghina pihak berkuasa agama.
Seksyen 66. Percubaan murtad.
Seksyen 67. Syubahat kepada percubaan murtad.
Seksyen 68. Takfir.
Seksyen 69. Pemujaan.
Seksyen 70. Mengajar agama.
Seksyen 71. Perbuatan tidak sopan.
Seksyen 72. Lelaki berlagak seperti perempuan.
Seksyen 73. Melarikan isteri atau anak dara orang lain.
Seksyen 74. Melacurkan isteri dan anak.
Seksyen 75. Melacurkan diri.
Seksyen 76. Menjual anak.
Seksyen 77. Muncikari.
Seksyen 78. Pendudukan menyalahi undang-undang dan lain-lain, atas tanah Majlis.
Seksyen 79. Penggunaan menyalahi undang-undang rang udara di atas tanah Majlis.
Seksyen 80. Mengeluar atau mengalih bahan-bahan batu menyalahi undang-undang.
Seksyen 81. Berjudi.
Seksyen 82. Tidak membayar zakat dan fitrah.
Seksyen 83. Tidak mengembalikan borang taksiran zakat.
Seksyen 84. Masjid dan madrasah yang tidak diluluskan.
Seksyen 85. Sekolah-sekolah Agama yang tidak diluluskan.
Seksyen 86. Ingkar perintah Ramadan, Hari Raya Fitrah Hari Raya Haji.
Seksyen 87. Pecah amanah.
Seksyen 88. Memecahkan rahsia.
Seksyen 89. Pungutan yang tak sah.
Seksyen 90. Pemberian maklumat palsu kepada Pendaftar Saudara Baru.
Seksyen 91. Percubaan.
Seksyen 92. Takzir.
Seksyen 93. Pemansuhan.
Seksyen 94. Pindaan Enakmen Prosedur Jenayah Syariah 1986.

BAHAGIAN I – PERMULAAN

Seksyen 1. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Yang di-Pertuan Agong melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Seksyen 2. Tafsiran.

(1) Dalam Enakmen ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki erti yang berlainan:

"Hakim" ertinya Hakim Syariah yang dilantik di bawah seksyen 7(1) Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah 1985;

"Liwat" ertinya perhubungan jenis (homosex) di antara lelaki dengan lelaki;

"Mahkamah" ertinya Mahkamah Syariah yang ditubuhkan di bawah seksyen 8 Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah 1985[En.6/85];

"Majlis" ertinya Majlis Agama Islam Melaka yang ditubuhkan di bawah seksyen 4 Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Negeri Melaka) 1991[En. 5/91];

"Percubaan Liwat" ertinya perbuatan-perbuatan di antara lelaki dengan lelaki yang mendorong kepada hubungan jenis (homoseksual);

"Percubaan Persetubuhan Haram" ertinya perbuatan-perbuatan di antara lelaki dan perempuan yang mendorong kepada perzinaan;

"Muncikari" ertinya seorang yang menjalankan pekerjaan sebagai orang tengah di antara seseorang perempuan dengan seseorang lelaki bagi tujuan-tujuan yang menyalahi Hukum Syarak;

"Musahaqah" ertinya perhubungan jenis (lesbian) di antara perempuan dengan perempuan;

"Takfir" ertinya mengkafirkan orang Islam.

(2) Jika timbul sebarang persoalan atau pertikaian dalam mentafsir sesuatu perkataan, perbahasaan atau rangkaikata mengenai Hukum Syarak maka adalah dalam bidangkuasa Mahkamah yang membicarakannya itu untuk memberi tafsiran kepada perkataan, perbahasaan atau rangkaikata sedemikian itu.

Seksyen 3. Kecualian prerogatif.

Tiada apa-apa jua yang terkandung dalam Enakmen ini boleh mengurangkan atau menyentuh hak-hak prerogatif dan kuasa-kuasa Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Agama Islam dalam Negeri Melaka sebagaimana yang ditetapkan dan dinyatakan dalam Perlembagaan Persekutuan.

BAHAGIAN II - KECUALIAN AM

Seksyen 4. Perbuatan yang dilakukan oleh seseorang yang terpaksa, atau oleh kerana silap faham fakta percaya dirinya terpaksa, di sisi undang-undang.

Tidaklah menjadi kesalahan apa-apa jua yang dilakukan oleh seseorang yang terpaksa di sisi undang-undang melakukannya atau yang, oleh kerana silap faham fakta dan bukannya oleh kerana silap faham undang-undang, dengan suci hati percaya dirinya, terpaksa di sisi undang-undang melakukannya.

MISALAN

A, seorang pegawai Mahkamah, yang telah diperintahkan oleh Mahkamah itu supaya menangkap Y, dan selepas siasatan yang semestinya, dengan mempercayai Z, sebagai Y, telah menangkap Z. A, tidaklah melakukan apa-apa kesalahan.

Seksyen 5. Perbuatan Hakim bila bertindak secara kehakiman.

Tidaklah menjadi kesalahan apa-apa jua yang dilakukan oleh seorang Hakim apabila bertindak secara kehakiman pada menjalankan apa-apa kuasa yang diberi kepadanya oleh undang-undang atau yang ia percaya dengan suci hati diberi kepadanya oleh undang-undang.

Seksyen 6. Perbuatan yang dilakukan menurut hukuman atau perintah Mahkamah.

Tidaklah menjadi kesalahan apa-apa yang dilakukan menurut hukuman atau perintah Mahkamah atau apa-apa yang diluluskan di sisi hukuman atau perintah Mahkamah, jika dilakukan dalam masa hukuman atau perintah itu masih berjalan kuatkuasanya, walaupun Mahkamah itu mungkin tidak mempunyai kuasa menjatuhkan hukuman atau perintah itu, dengan syarat orang yang melakukan perbuatan itu percaya dengan suci hati bahawa Mahkamah itu ada mempunyai kuasa itu.

Seksyen 7. Perbuatan yang dilakukan oleh seseorang yang dibenarkan oleh undang-undang atau oleh kerana silap faham fakta percaya dirinya dibenarkan oleh undang-undang.

Tidaklah menjadi kesalahan apa-apa jua yang dilakukan oleh seseorang yang dibenarkan oleh undang-undang untuk melakukannya, atau oleh seseorang yang oleh kerana silap faham fakta dan bukannya oleh kerana silap faham undang-undang dengan suci hati percaya dirinya sebagai dibenarkan oleh undang-undang untuk melakukannya.

Seksyen 8. Melakukan dengan tidak sengaja perbuatan yang sah di sisi undang-undang.

Tidaklah menjadi kesalahan apa-apa jua yang dilakukan dengan tidak sengaja atau dengan malang, dan dengan tiada apa-apa niat atau pengetahuan jenayah, pada menjalankan suatu perbuatan yang sah di sisi undang-undang, secara yang sah di sisi undang-undang, dengan jalan yang sah di sisi undang-undang, dan dengan hemat dan cermat yang sepatutnya.

Seksyen 9. Perbuatan yang mungkin menyebabkan kerosakan tetapi dilakukan dengan tiada niat jenayah, dan bagi menahan lain-lain kerosakan yang lebih berat.

Tiadalah apa-apa jua menjadi kesalahan semata-mata oleh sebab ia dilakukan dengan mengetahui bahawa ia mungkin menyebabkan kerosakan, jika sekiranya ia dilakukan dengan tiada apa-apa niat jenayah hendak menyebab kerosakan itu, dan dengan suci hati bagi maksud menahan atau mengelakkan lain-lain kerosakan yang lebih berat kepada orang atau harta.

Huraian - Adalah menjadi suatu soal fakta dalam hal seperti itu sama ada kerosakan yang hendak ditahan atau dielakkan itu sedemikian keadaannya dan sebegitu berhampiran hingga boleh membenarkan atau memaafkan kemungkinan bahaya melakukan perbuatan itu dengan mengetahui bahawa ia mungkin menyebabkan kerosakan.

MISALAN

A, dalam suatu kebakaran besar, meruntuhkan rumah-rumah bagi menahan api itu daripada merebak. Ia berbuat demikian dengan niat, dengan suci hati, hendak menyelamatkan nyawa manusia atau harta. Di sini sekiranya didapati bahawa kerosakan yang hendak ditahan itu sedemikian keadaannya dan sebegitu berhampiran hingga boleh memaafkan perbuatan A itu, maka A tidaklah melakukan kesalahan.

Seksyen 10. Perbuatan kanak-kanak yang belum baligh.

Tidaklah menjadi kesalahan apa-apa jua yang dilakukan oleh kanak-kanak yang belum baligh.

Huraian - seseorang yang berumur kurang dari 15 tahun Kamariah hendaklah dianggap belum baligh.

Seksyen 11. Perbuatan seseorang yang tidak sempurna akal.

Tidaklah menjadi kesalahan apa-apa jua yang dilakukan oleh seseorang yang pada masa melakukannya oleh sebab akalnya tidak sempurna, tidak berupaya mengetahui keadaan perbuatan itu atau bahawa apa yang dilakukannya adalah salah dan berlawanan dengan undang-undang.

Seksyen 12. Bila mabuk menjadi suatu pembelaan.

(1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen ini dan dalam seksyen 13, mabuk tidaklah boleh menjadi suatu pembelaan terhadap sesuatu pertuduhan jenayah.

(2) Mabuk boleh menjadi suatu pembelaan terhadap sesuatu pertuduhan jenayah jika oleh sebab mabuk, orang yang dipertuduhkan itu, pada waktu perbuatan atau ketinggalan yang diadukan itu, tidak tahu bahawa perbuatan atau ketinggalan itu salah ataupun tidak tahu apa yang ia lakukan dan keadaan mabuk itu telah disebabkan dengan tiada kerelaannya oleh perbuatan jahat atau cuai seseorang lain.

Seksyen 13. Pembelaan mabuk bila dipastikan.

(1) Jika pembelaan di bawah subseksyen (2) seksyen 12 telah dipastikan, orang yang dituduh itu hendaklah dibebaskan.

(2) Bagi maksud seksyen ini dan seksyen yang terdahulu daripadanya itu "mabuk" hendaklah disifatkan termasuk suatu keadaan yang disebabkan oleh arak, narkotik atau dadah.

Seksyen 14. Perbuatan yang tidak diniat dan tidak diketahui sebagai mungkin menyebabkan kematian atau cedera parah, dilakukan dengan kerelaan.

Tiadalah apa-apa jua yang tidak diniatkan bagi menyebabkan kematian atau cedera parah, dan yang tidak diketahui oleh orang yang melakukannya sebagai menyebabkan kematian atau cedera parah, menjadi suatu kesalahan oleh sebab sesuatu kerosakan yang ia mungkin menyebabkan atau diniat oleh orang yang melakukannya bagi menyebabkannya, kepada seseorang yang berumur lebih daripada lapan belas tahun, yang telah memberi kerelaan, sama ada yang nyata atau yang disifatkan ada, bagi menanggung kerosakan itu; ataupun oleh sebab sesuatu kerosakan yang mungkin diketahui oleh orang yang melakukannya sebagai mungkin menyebabkan kepada mana-mana orang yang tersebut yang telah rela menempuh bahaya kerosakan itu.

MISALAN

A dan Z bersetuju bermain pedang di antara satu dengan lain untuk bersuka-suka. Persetujuan ini bererti kerelaan tiap-tiap seorang menanggung apa-apa kerosakan yang mungkin disebabkan dengan tiada melanggar peraturan-peraturan dalam masa bermain itu; dan jika A tatkala bermain dengan sepatutnya, mencederakan Z, maka A tidaklah melakukan apa-apa kesalahan.

Seksyen 15. Perbuatan yang tidak diniatkan bagi menyebabkan kematian, dilakukan dengan kerelaan dengan suci hati untuk faedah seseorang.

Tiadalah apa-apa jua yang tidak diniatkan bagi menyebabkan kematian, menjadi suatu kesalahan oleh sebab sesuatu yang ia mungkin menyebabkan atau diniatkan oleh orang yang melakukannya bagi menyebabkan, atau diketahui oleh orang yang melakukannya sebagai mungkin menyebabkan, kepada seseorang yang untuk faedahnya ia dilakukan dengan suci hati dan yang telah memberi kerelaan, sama ada yang nyata yang disifatkan ada, bagi menanggung kerosakan itu, atau menempuh bahaya kerosakan itu.

MISALAN

A seorang doktor bedah, yang ketahui bahawa suatu pembedahan yang tertentu mungkin menyebabkan kematian Z yang menderita suatu kesakitan yang amat sangat, menjalankan pembedahan itu ke atas Z, dengan kerelaan Z, dengan tidak berniat hendak menyebabkan kematian Z, tetapi berniat dengan suci hati, untuk faedah Z. A tidaklah melakukan apa-apa kesalahan.

Seksyen 16. Perbuatan dilakukan dengan suci hati untuk faedah kanak-kanak atau orang yang tidak sempurna akal, oleh atau dengan kerelaan penjaga.

Tiadalah apa-apa jua, yang dilakukan dengan suci hati untuk faedah seseorang yang berumur kurang daripada lima belas tahun atau yang tidak sempurna akal, oleh atau dengan kerelaan, sama ada yang nyata atau yang disifatkan ada, penjaga atau orang lain yang sah di sisi undang-undang menjaga orang itu, menjadi kesalahan oleh sebab sesuatu kerosakan yang ia mungkin menyebabkan, atau diniat oleh orang yang melakukannya bagi menyebabkan, atau diketahui oleh orang yang melakukannya sebagai mungkin menyebabkan kerosakan kepada orang itu; dengan syarat-

- (i) bahawa kecualian ini tidak termasuk menyebabkan kematian dengan sengaja atau percubaan menyebabkan kematian;
- (ii) bahawa kecualian ini tidak termasuk melakukan sesuatu perkara, yang orang yang melakukannya ketahui mungkin menyebabkan kematian, melainkan bagi niat mengelakkan kematian atau cedera parah ataupun menyembuhkan apa-apa kelemahan atau penyakit yang teruk;
- (iii) bahawa kecualian ini tidak termasuk menyebabkan cedera parah dengan sengaja atau percubaan hendak menyebabkan cedera parah, melainkan bagi niat mengelakkan kematian atau cedera parah, ataupun menyembuhkan apa-apa kelemahan atau penyakit yang teruk; atau
- (iv) bahawa keadilan ini tidak termasuk menyubahati sesuatu kesalahan yang tidak termasuk dalam kecualian ini.

MISALAN

A dengan suci hati, untuk faedah anaknya, dengan tiada kerelaan anaknya telah mengadakan pembedahan atas anaknya oleh seorang doktor bedah untuk mengeluarkan batu penyakit, manakala mengetahui bahawa pembedahan itu mungkin menyebabkan kematian anaknya itu. A adalah termasuk dalam kecualian ini oleh kerana tujuannya ialah hendak menyembuhkan penyakit anaknya itu.

Seksyen 17. Kerelaan yang diketahui diberi dalam keadaan takut atau salah faham.

Kerelaan bukanlah suatu kerelaan yang dimaksudkan oleh mana-mana seksyen di dalam Enakmen ini:

- (a) Jika kerelaan itu diberi oleh seseorang dalam keadaan takutkan bencana atau dalam keadaan salah faham tentang kenyataan, dan jika orang yang melakukan perbuatan itu ketahui, atau ada sebab mempercayai bahawa kerelaan itu telah diberi oleh sebab ketakutan atau salah faham itu; atau
- (b) Jika kerelaan itu diberi oleh seseorang yang, oleh kerana akalnya tidak sempurna, tidak boleh memahami akan keadaan dan akibat apa yang ia relakan itu, ataupun jika kerelaan itu diberi oleh seseorang yang berumur kurang daripada lima belas tahun, melainkan sebaliknya ternampak daripada kandungan ayatnya.

Seksyen 18. Perbuatan yang sendirinya menjadi kesalahan dengan tidak bergantung kepada kerosakan yang disebabkan kepada orang yang memberi kerelaan tidak termasuk dalam kecualian dalam seksyen 14, 15 dan 16.

Kecualian dalam seksyen 14, 15 dan 16 itu tidaklah termasuk perbuatan yang sendirinya menjadi kesalahan dengan tidak bergantung kepada apa-apa kerosakan yang perbuatan itu mungkin menyebabkan, atau dimaksud bagi menyebabkan, atau diketahui mungkin menyebabkan, kepada orang yang memberi kerelaan itu, atau kepada orang yang bagi pihaknya kerelaan itu diberi.

MISALAN

Menyebabkan keguguran, melainkan disebabkan dengan suci hati bagi maksud menyelamatkan nyawa perempuan itu, adalah sendirinya suatu kesalahan dengan tidak bergantung kepada apa-apa kerosakan yang keguguran bukanlah suatu kesalahan "oleh sebab kerosakan itu"; ada kecelaan perempuan itu ataupun penjaganya bagi menyebabkan keguguran itu tidaklah membenarkan perbuatan itu.

Seksyen 19. Perbuatan dilakukan dengan sucihati untuk faedah seseorang dengan tiada kerelaan.

Tiadalah apa-apa jua menjadi kesalahan oleh sebab sesuatu kecederaan yang ia mungkin menyebabkan kepada seseorang yang untuk faedahnya ia dilakukan dengan suci hati, walaupun dengan tiada kerelaan orang itu, jika keadaannya adalah sedemikian bahawa orang itu tidak boleh menyatakan kerelaan atau jika orang itu tidak berupaya memberi kerelaan, dan tidak mempunyai penjaga atau orang lain yang sah di sisi undang-undang menjaganya yang kerelaan boleh sempat didapati daripadanya untuk perkara itu dilakukan untuk faedahnya:

Dengan syarat-

- (i) bahawa kecualian ini tidak termasuk menyebabkan kematian dengan sengaja atau percubaan menyebabkan kematian;
- (ii) bahawa kekecualian ini tidak termasuk melakukan sesuatu perkara, yang orang yang melakukannya mengetahui mungkin menyebabkan kematian, melainkan bagi maksud mengelakkan kematian atau cedera parah ataupun menyembuhkan apa-apa kelemahan atau penyakit yang teruk;
- (iii) bahawa kecualian ini tidak termasuk menyebabkan cedera dengan sengaja atau percubaan hendak menyebabkan cedera, melainkan bagi maksud mengelakkan kematian atau cedera yang lebih ringan
- (iv) bahawa kecualian ini tidak termasuk menyubahati sesuatu kesalahan yang tidak termasuk dalam kecualian ini.

Huraian - Faedah kewangan semata-mata bukanlah faedah dalam erti seksyen 15, 16 dan 19.

Seksyen 20. Pemakluman dibuat dengan sucihati.

Tiadalah apa-apa jua pemakluman yang dibuat dengan suci hati menjadi kesalahan oleh sebab sesuatu kerosakan kepada orang yang dimaklumkan itu, jika pemakluman itu dibuat untuk faedah orang itu.

MISALAN

A, seorang doktor, dengan suci hati memaklumkan pendapatnya kepada pesakitnya bahawa pesakit itu tidak boleh hidup. Pesakit itu mati oleh sebab terperanjat. A, tidaklah melakukan apa-apa kesalahan, meskipun ia ketahui pemakluman itu mungkin menyebabkan kematian pesakit itu.

Seksyen 21. Perbuatan yang seseorang terpaksa melakukannya oleh kerana ugutan.

Kecuali kesalahan yang boleh dihukum dengan hukuman bunuh, tiadalah menjadi kesalahan apa-apa jua yang dilakukan oleh seseorang yang terpaksa melakukannya oleh ugutan yang tatkala melakukannya, munasabah menyebabkan ketakutan bahawa jika ia tidak dilakukannya, akibatnya ia akan mendapat kematian serta-merta, dengan syarat bahawa orang yang melakukan perbuatan itu tidak meletakkan dirinya dalam keadaan yang menjadikannya tertakluk kepada paksaan itu, sama ada dengan kemahuannya sendiri, atau oleh kerana suatu ketakutan yang munasabah akan apa-apa kerosakan kepada dirinya selain dari kematian serta-merta.

Huraian 1 - Seseorang yang masuk kumpulan perompak dengan mengetahui watak mereka, dengan kemahuannya sendiri, atau oleh sebab ugutan akan dipukul, tidaklah berhak mendapat faedah daripada kecualian ini atas alasan yang ia telah dipaksa oleh perompak-perompak yang ia sekutui itu melakukan sesuatu perkara yang menjadi kesalahan di sisi undang-undang.

Huraian 2 - Seseorang yang ditangkap oleh kumpulan perompak, dan dipaksa dengan ugutan kematian atau kecederaan parah serta-merta supaya melakukan sesuatu perkara yang menjadi kesalahan di sisi undang-undang - umpamanya seorang tukang besi yang dipaksa mengambil perkakas, dan memecahkan pintu sebuah rumah untuk kumpulan perompak itu masuk dan merompak - adalah berhak mendapat faedah daripada kecualian ini.

Seksyen 22. Perbuatan yang menyebabkan kerosakan kecil.

Tiadalah apa-apa jua menjadi kesalahan atau sebab ia menyebabkan atau ia dimaksud menyebabkan atau ia diketahui mungkin menyebabkan sesuatu kerosakan, jika sekiranya kerosakan itu adalah sebegitu kecil yang seseorang yang berakal dan berperangai biasa tidak akan mengadu kerosakan yang seperti itu.

Seksyen 23. Mempertahankan diri dan hak tidak menjadi kesalahan.

Tidaklah menjadi kesalahan apa-apa jua yang dilakukan untuk mempertahankan diri dan hak seseorang.

Seksyen 24. Mempertahankan diri dan harta.

Tiap-tiap orang ada hak, tertakluk kepada sekatan yang terkandung dalam seksyen 26, mempertahankan-

- (a) Tubuhnya sendiri, dan tubuh seseorang lain, terhadap apa-apa kesalahan mengenai tubuh manusia;
- (b) Hartanya sendiri atau harta seseorang lain, sama ada yang boleh dialih atau yang tak boleh dialih, terhadap apa-apa perbuatan yang menjadi suatu kesalahan yang termasuk di bawah takrif kesalahan mencuri, merompak, khianat atau penceroboh jenayah.

Seksyen 25. Hak mempertahankan diri terhadap seseorang yang tidak sempurna akal.

Apabila suatu perbuatan yang boleh menjadi sesuatu kesalahan itu oleh sebab orang yang melakukan perbuatan itu belum cukup umur, belum cukup akal, tidak sempurna akal, mabuk ataupun oleh sebab ia salah faham, maka tiap-tiap orang ada hak mempertahankan dirinya terhadap perbuatan itu sama seperti ia ada hak sekiranya perbuatan itu boleh menjadi kesalahan itu.

MISALAN

Z, oleh sebab gilanya, membunuh A. Z, tidaklah melakukan apa-apa kesalahan. Tetapi A, ada haknya mempertahankan diri sama seperti ia ada hak sekiranya Z tak gila.

Seksyen 26. Perbuatan yang tiada hak mempertahankan diri.

- (1) Tidaklah ada hak mempertahankan diri terhadap sesuatu perbuatan yang tidak munasabah menyebabkan ketakutan mati atau cedera parah, jika perbuatan itu dilakukan, atau dicuba dilakukan, oleh seseorang penjawat awam yang bertindak dengan suci hati atas kuasa jawatannya, meskipun perbuatan itu mungkin tidak diluluskan di sisi undang-undang dengan sepenuhnya.
- (2) Tidaklah ada hak mempertahankan diri terhadap sesuatu perbuatan yang tidak munasabah menyebabkan ketakutan mati atau cedera parah, jika perbuatan itu dilakukan, atau dicuba dilakukan, menurut arahan seseorang penjawat awam yang bertindak dengan suci hati atas kuasa jawatannya, meskipun arahan itu mungkin tidak diluluskan di sisi undang-undang dengan sepenuhnya.
- (3) Tidaklah ada hak mempertahankan diri dalam hal-hal yang sempat mendapat perlindungan pihak berkuasa awam.
- (4) Hak mempertahankan diri tidaklah sekali-kali termasuk mengenakan kerosakan yang lebih yang perlu dikenakan bagi maksud mempertahankan diri.

Huraian 1 - Seseorang tidaklah terlucut hak mempertahankan diri terhadap sesuatu perbuatan yang dilakukan, atau dicuba dilakukan, oleh seseorang penjawat awam, atas sifatnya sebagai penjawat awam, melainkan jika ia diketahui, atau ada sebab mempercayai bahawa orang yang melakukan perbuatan itu adalah seorang penjawat awam yang sedemikian.

Huraian 2 - Seseorang tidaklah melucut hak mempertahankan diri terhadap sesuatu perbuatan yang

dilakukan, atau dicuba dilakukan, menurut arahan seseorang penjawat awam melainkan jika ia ketahui, atau ada sebab mempercayai, bahawa orang yang melakukan perbuatan itu adalah bertindak menurut arahan tersebut; ataupun melainkan jika orang itu menyatakan kuasa yang membolehkan ia bertindak ataupun, sekiranya orang itu mempunyai kuasa bertulis, melainkan jika ia menunjukkan kuasa itu, apabila diminta.

Seksyen 27. Bila hak mempertahankan diri mengenai tubuh termasuk menyebabkan kematian.

Hak mempertahankan diri mengenai tubuh, tertakluk kepada sekatan-sekatan yang tersebut dalam seksyen yang tersebut dalam seksyen yang akhir di atas, adalah termasuk menyebabkan dengan sengaja kematian atau apa-apa kerosakan yang lain kepada penyerang itu, jika kesalahan yang menyebabkan hak itu dijalankan adalah dari mana-mana jenis yang disenaraikan di bawah ini-

- (a) Sesuatu serangan yang munasabah menyebabkan ketakutan bahawa kematian akan berakibat dari serangan itu jika hak mempertahankan diri tersebut tidak dijalankan;
- (b) Sesuatu serangan yang munasabah menyebabkan ketakutan bahawa cedera parah akan berakibat dari serangan itu jika hak mempertahankan diri tersebut tidak dijalankan;
- (c) Sesuatu serangan dengan niat melakukan rogol;
- (d) Sesuatu serangan dengan niat memuaskan nafsu luar biasa;
- (e) Sesuatu serangan dengan niat mencolek atau melarikan orang;
- (f) Sesuatu serangan dengan niat hendak mengurung seseorang dengan salah dalam keadaan yang munasabah menyebabkan ia takut bahawa ia tidak akan boleh dapat pertolongan pihak berkuasa awam bagi melepaskannya.

Seksyen 28. Bila hak itu termasuk menyebabkan apa-apa kerosakan yang lain daripada kematian.

Jika sekiranya kesalahan itu bukan dari mana-mana jenis yang disenaraikan dalam seksyen 27, maka hak mempertahankan diri mengenai tubuh tidaklah termasuk menyebabkan dengan sengaja kematian kepada penyerang itu tetapi tertakluk kepada sekatan yang tersebut dalam seksyen 26, adalah termasuk menyebabkan dengan sengaja kepada penyerang itu apa-apa kerosakan yang lain daripada kematian.

Seksyen 29. Bila hak mempertahankan diri mengenai tubuh bermula dan masih ada.

Hak mempertahankan diri mengenai tubuh bermula setelah sahaja suatu ketakutan yang munasabah akan bahaya kepada tubuh terbit dari sesuatu percubaan atau ugutan hendaklah melakukan kesalahan itu, walaupun kesalahan itu tidak dilakukan, dan hak itu masih ada selagi ketakutan akan bahaya kepada tubuh itu masih ada.

Seksyen 30. Bila hak mempertahankan harta termasuk menyebabkan kematian.

Hak mempertahankan hak tertakluk kepada sekatan yang tersebut dalam seksyen 26, adalah termasuk menyebabkan dengan sengaja kematian atau apa-apa kerosakan yang lain kepada orang yang membuat salah itu, jika sekiranya kesalahan itu, apabila dilakukan atau cuba dilakukan menyebabkan hak itu dijalankan, adalah suatu kesalahan dari mana-mana jenis yang disenaraikan di bawah ini-

- (a) Rompak,
- (b) Pecah rumah,
- (c) Khianat dengan api yang dilakukan ke atas mana-mana bangunan, khemah atau kenderaan yang digunakan sebagai tempat kediaman manusia atau sebagai tempat simpanan harta.
- (d) Mencuri, khianat atau menceroboh rumah, dalam keadaan yang munasabah menyebabkan ketakutan bahawa kematian atau cedera parah akan berakibat, jika mempertahankan diri tersebut tidak dijalankan

Seksyen 31. Bila hak itu termasuk menyebabkan apa-apa kerosakan yang lain daripada kematian.

Jika kesalahan itu apabila dilakukan atau dicuba dilakukan menyebabkan hak mempertahankan diri dijalankan, adalah kesalahan mencuri, khianat, atau penceroboh jenayah, yang bukannya dari mana-mana jenis yang disenaraikan dalam seksyen 30, maka hak itu adalah termasuk menyebabkan kematian dengan sengaja, tetapi tertakluk kepada sekatan-sekatan yang tersebut dalam seksyen 26, adalah termasuk menyebabkan dengan sengaja kepada orang yang berbuat salah itu apa-apa kerosakan yang lain daripada kematian.

Seksyen 32. Bila hak mempertahankan harta bermula dan masih ada.

- (1) Hak mempertahankan harta bermula apabila suatu ketakutan yang munasabah akan bahaya kepada harta itu bermula.
- (2) Hak mempertahankan harta terhadap kesalahan mencuri masih ada sehingga pencuri itu telah lepas lari dengan harta itu, atau sehingga pertolongan pihak berkuasa awam didapati, atau sehingga harta itu telah didapati balik.
- (3) Hak mempertahankan harta terhadap rompak masih ada selagi perompak itu menyebabkan atau mencuba hendak menyebabkan kepada seseorang kematian, atau cedera atau halangan salah, atau selagi ketakutan akan kematian serta-merta, atau cedera serta-merta, atau halangan diri serta-merta masih ada.
- (4) Hak mempertahankan harta terhadap penceroboh jenayah atau khianat masih ada selagi penceroboh itu masih melakukan pencerobohan jenayah atau khianat itu.
- (5) Hak mempertahankan harta terhadap pecah rumah masih ada selagi penceroboh rumah yang dimulakan dengan pecah rumah itu masih ada.

Seksyen 33. Hak mempertahankan diri terhadap serangan yang boleh menyebabkan kematian bila ada kerosakan kepada seseorang yang tidak bersalah.

Jika, pada menjalankan hak mempertahankan diri terhadap suatu serangan yang munasabah menyebabkan ketakutan akan kematian, orang yang mempertahankan itu adalah sebegitu kedudukannya hingga ia tidak dapat menjalankan hak itu dengan secukupnya dengan tiada mendatangkan bahaya kerosakan kepada seseorang yang tidak bersalah, maka mempertahankan dirinya termasuklah mendatangkan bahaya kerosakan kepada seseorang yang tidak bersalah, maka hak mempertahankan dirinya termasuklah mendatangkan bahaya itu.

MISALAN

A, diserang oleh sekumpulan perusuh yang mencuba hendak membunuhnya. Dia tidak dapat menjalankan hak mempertahankan dirinya dengan secukupnya dengan tidak melepaskan tembakan ke atas kumpulan perusuh itu, dan dia tidak dapat melepaskan tembakan itu dengan tiada mendatangkan bahaya kecederaan kepada kanak-kanak yang ada bergaul dalam kumpulan perusuh itu. A, tidaklah melakukan apa-apa kesalahan jika dengan melepaskan tembakan itu ia mencederakan mana-mana kanak-kanak itu.

BAHAGIAN III – SUBAHAT

Seksyen 34. Menyubahati sesuatu perkara.

Seseorang adalah bersubahat melakukan sesuatu perkara jika ia-

- (a) Menghasut mana-mana orang supaya melakukan perkara itu; atau
- (b) Mengambil bahagian bersama dengan seorang atau beberapa orang lain dalam apa-apa pakat-jahat bagi melakukan perkara itu, jika apa-apa perbuatan dibuat atau ditinggalkan yang menyalahi undang-undang berlaku pada menurut pakat-jahat itu, dan dengan tujuan hendak melakukan perkara itu; atau
- (c) Dengan sengaja membantu melakukan perkara itu dengan membuat atau meninggal apa-apa perbuatan yang menyalahi undang-undang.

Huraian 1 - Seseorang yang dengan sengaja menyebabkan atau mendapatkan, ataupun mencuba hendak menyebabkan atau mendapatkan, sesuatu perkara dilakukan dengan sengaja menyalah-nyatakan atau sengaja menyembunyikan sesuatu nyataan yang mustahak yang ia terpaksa menyatakan, adalah dikatakan menghasut supaya perkara itu dilakukan.

MISALAN

A, seorang pegawai awam, adalah diberi kuasa dengan suatu waran dari Mahkamah untuk menangkap Z. B, yang mengetahui hal itu dan juga yang mengetahui bahawa C bukannya Z, dan dengan sengaja menyatakan kepada A bahawa C ialah Z, dan dengan jalan demikian itu adalah dengan sengaja menyebabkan A menangkap C. Di sini B adalah menyubahati penangkapan C dengan jalan hasutan.

Huraian 2 - Barang siapa melakukan apa-apa perkara sebelum atau pada waktu sesuatu perbuatan dilakukan, untuk menyenangkan perbuatan itu dilakukan dan dengan jalan demikian menyenangkan perbuatan itu dilakukan adalah dikatakan membantu melakukan perbuatan itu.

Seksyen 35. Pensubahat.

Seseorang adalah menyubahati sesuatu kesalahan jika ia bersubahat melakukan sesuatu kesalahan, atau bersubahat melakukan sesuatu perbuatan yang akan menjadi suatu kesalahan, sekiranya dilakukan oleh seseorang yang berupaya di sisi undang-undang melakukan sesuatu kesalahan dengan niat atau pengetahuan yang sama dengan niat atau pengetahuan pensubahat itu.

Huraian 1 - Menyubahati sesuatu perbuatan ditinggalkan dengan menyalahi undang-undang boleh terjemlah kepada suatu kesalahan, sungguhpun pensubahat itu sendiri tidak terpaksa melakukan perbuatan itu.

Huraian 2 - Bagi menjadikan kesalahan subahat, maka tidaklah perlu bahawa perbuatan yang disubahati itu dilakukan atau bahawa kejadian yang cukup bagi menjadikan kesalahan itu disebabkan.

MISALAN

- (a) A menghasut B supaya membunuh C. B enggan melakukannya. A adalah melakukan kesalahan menyubahati B supaya melakukan kesalahan membunuh orang.

(b) A menghasut B supaya membunuh D. B pada menurut hasutan itu, menikam D. D sembuh daripada lukanya. A adalah melakukan kesalahan menghasut B supaya melakukan kesalahan membunuh orang.

Huraian 3 - Tidaklah perlu orang disubahati itu berupaya di sisi undang-undang melakukan sesuatu kesalahan, atau ia mempunyai niat atau pengetahuan pensubahat itu, atau mempunyai apa-apa niat atau pengetahuan yang salah.

MISALAN

(a) A dengan suatu niat yang salah, menyubahati seorang kanak-kanak atau seorang gila supaya melakukan suatu perbuatan yang boleh menjadi suatu kesalahan sekiranya dilakukan oleh seseorang yang berupaya di sisi undang-undang melakukan suatu kesalahan dan yang mempunyai niat yang sama seperti A. Di sini, sama ada perbuatan itu dilakukan atau tidak, A adalah melakukan kesalahan yang menyubahati suatu kesalahan.

(b) A dengan niat hendak membunuh Z, menghasut B, seorang kanak-kanak yang belum baligh, supaya melakukan sesuatu perbuatan yang menyebabkan kematian Z. Oleh sebab subahat B, melakukan perbuatan itu, dan dengan demikian itu menyebabkan kematian A di sini, walaupun B tidak berupaya di sisi undang-undang melakukan sesuatu kesalahan dan telah melakukan sesuatu kesalahan. A boleh diseksa sama seperti seolah-olah B berupaya di sisi undang-undang melakukan sesuatu kesalahan dan telah melakukan kesalahan membunuh orang, dan oleh sebab itu A bolehlah dikenakan seksaan bunuh.

(c) A menghasut B supaya membakar sebuah rumah kediaman B oleh sebab akalinya tidak sempurna dan ianya tidak berupaya mengetahui keadaan itu atau bahawa apa yang dilakukannya itu sama ada salah atau berlawanan dengan undang-undang, membakar rumah itu oleh sebab hasutan A. B tidaklah melakukan apa-apa kesalahan, tetapi A adalah melakukan kesalahan menyubahati kesalahan membakar sebuah rumah kediaman, dan bolehlah dikenakan seksaan yang diperuntukkan bagi kesalahan itu.

(d) A yang bermaksud hendak menyebabkan kesalahan mencuri dilakukan, menghasut B supaya mengambil harta yang dipunyai oleh Z, daripada milik Z. A mendorong B supaya mempercayai bahawa harta itu dipunyai oleh A. B ambil harta itu daripada milik Z, dengan suci hati mempercayainya sebagai harta A. B, yang bertindak di bawah salah faham ini, tidaklah melakukan kesalahan mencuri.

Huraian 4 - Oleh kerana menyubahati sesuatu kesalahan adalah suatu kesalahan maka menyubahati subahat itu adalah juga suatu kesalahan.

MISALAN

A, menghasut B supaya menghasut C membunuh Z. B, oleh yang demikian, menghasut C supaya membunuh Z, dan C melakukan kesalahan itu oleh sebab hasutan B. B boleh diseksa kerana kesalahannya dengan seksaan bagi kesalahan membunuh orang; dan oleh kerana A telah menghasut B melakukan kesalahan itu maka A juga bolehlah dikenakan seksaan yang sama.

Huraian 5 - Tidaklah perlu bagi melakukan kesalahan subahat dengan jalan pakatjahat bahawa pensubahat itu menyertai kesalahan itu bersama orang yang melakukannya. Adalah memadai jika ia mengambil bahagian dalam pakatjahat itu dan kesalahan itu dilakukan pada menurut pakatjahat itu.

MISALAN

A menyertai B dalam suatu rancangan untuk meracun Z. Adalah dipersetujui bahawa A hendaklah mengenakan racun itu. B kemudiannya menghuraikan rancangan itu kepada C dengan menyebut bahawa seorang lain akan mengenakan racun itu, tetapi tidak menyebut nama A. C bersetuju mendapatkan racun itu, lalu mendapatkan dan menyerahkannya kepada B supaya digunakan secara

yang telah diuraikan itu. A mengenakan racun itu; Z mati akibatnya. Di sini, walaupun A dan C tidak berpakatjahat bersama-sama, akan tetapi C telah mengambil bahagian dalam pakatjahat itu yang pada menurutnya Z telah dibunuh. Oleh sebab itu, C telah melakukan kesalahan yang ditakrifkan dalam seksyen ini, dan bolehlah dikenakan seksaan bagi kesalahan membunuh orang.

Seksyen 36. Menyubahati dalam Negeri Melaka kesalahan di luar Negeri Melaka.

Seseorang adalah menyubahati sesuatu kesalahan dalam erti Enakmen ini jika ia dalam Negeri Melaka menyubahati sesuatu perbuatan dilakukan di luar Melaka yang boleh menjadi suatu kesalahan sekiranya dilakukan dalam Negeri Melaka.

Seksyen 37. Seksaan bagi subahat jika perbuatan yang disubahati itu dilakukan oleh sebabnya, dan jika tiada peruntukan yang nyata dibuat bagi seksaannya.

Barang siapa menyubahati sesuatu kesalahan hendaklah jika perbuatan yang disubahati itu dilakukan oleh sebab subahat itu, dan tiada peruntukan yang nyata dibuat oleh Enakmen ini berkenaan dengan seksaan bagi subahat itu, diseksa dengan seksaan yang diperuntukkan bagi kesalahan itu.

Huraian - Sesuatu perbuatan atau kesalahan adalah dikatakan dilakukan oleh sebab subahat apabila ia dilakukan oleh sebab hasutan, atau pada menurut pakatjahat, atau dengan bantuan yang menjadikan subahat itu.

Seksyen 38. Seksaan bagi subahat jika orang yang disubahati itu melakukan perbuatan dengan niat yang lain daripada niat pensubahat.

Barang siapa menyubahati sesuatu kesalahan dilakukan, hendaklah, jika orang yang disubahati itu melakukan perbuatan itu dengan niat atau pengetahuan yang lain daripada niat atau pengetahuan pensubahat itu, diseksa dengan seksaan yang diperuntukkan bagi kesalahan yang mungkin berlaku sekiranya perbuatan itu telah dilakukan dengan niat atau pengetahuan pensubahat itu tetapi tidak dengan apa-apa niat atau pengetahuan lain.

Seksyen 39. Tanggungan pensubahat bila suatu perbuatan disubahati dan suatu perbuatan yang lain dilakukan.

Apabila suatu perbuatan disubahati dan suatu perbuatan lain dilakukan, pensubahat itu adalah bertanggungjawab kerana perbuatan yang dilakukan itu, seperti, dan setakat, seolah-olah ia telah menyubahatinya secara terus dengan syarat perbuatan yang dilakukan itu adalah kejadian yang munasabah terbit dari subahat itu, dan telah dilakukan di bawah pengaruh hasutan, atau dengan bantuan atau pada menurut pakatjahat yang menjadikan subahat itu.

MISALAN

(a) A menghasut seorang kanak-kanak supaya memasukkan racun ke dalam makanan Z, serta memberi racun kepadanya bagi maksud itu. Kanak-kanak itu, oleh sebab hasutan itu memasukkan racun itu dengan khilafnya ke dalam makanan Y yang ada di sebelah makanan Z. Di sini, jika kanak-kanak itu telah bertindak di bawah pengaruh hasutan A, dan perbuatan yang dilakukan itu adalah, dalam keadaan itu, suatu kejadian yang munasabah terbit dari subahat itu, maka A adalah bertanggung seperti, dan setakat, seolah-olah itu telah menghasut kanak-kanak itu supaya memasukkan racun itu ke dalam

makanan Y.

(b) A menghasut B supaya membakar rumah Z. B membakar rumah itu, dan juga mencuri harta di situ. A, walaupun melakukan kesalahan menyubahati pembakaran rumah itu, tidaklah melakukan kesalahan menyubahati kesalahan mencuri itu; kerana mencuri itu adalah suatu perbuatan yang tertentu dan bukan kejadian yang munasabah terbit dari pembakaran itu.

Seksyen 40. Bila pensubahat boleh dikenakan seksaan tambahan bagi perbuatan yang disubahati dan bagi perbuatan yang dilakukan.

Jika perbuatan yang dilakukan adalah bertambahan kepada perbuatan yang disubahati dan menjadi suatu kesalahan yang tertentu maka bolehlah pensubahat dikenakan seksaan bagi tiap-tiap kesalahan itu jika pensubahat itu telah mengetahui kemungkinan perbuatan tambahan itu dilakukan.

MISALAN

A menghasut B supaya menentang dengan kekerasan suatu tahanan-harta yang dijalankan oleh seorang penjawat awam. B, oleh sebab itu, menentang tahanan-harta itu. Dalam menjalankan tentangan itu, B dengan sengaja menyebabkan cedera parah kepada pegawai yang melakukan tahanan-harta itu. Oleh kerana B telah melakukan kedua-dua kesalahan menentang tahanan-harta itu dan kesalahan menyebabkan dengan sengaja cedera parah itu, B bolehlah dikenakan seksaan bagi kedua-dua kesalahan ini; dan jika A telah ketahui bahawa B mungkin menyebabkan dengan sengaja cedera parah dalam menentang tahanan-harta itu, maka A bolehlah juga dikenakan seksaan bagi tiap-tiap satu kesalahan itu.

Seksyen 41. Tanggungan pensubahat kerana kesalahan yang disebabkan oleh perbuatan yang disubahati itu lain daripada yang dimaksudkan oleh pensubahat.

Apabila sesuatu perbuatan disubahati dengan niat di pihak pensubahat itu hendak menyebabkan suatu kejadian yang tertentu, dan satu perbuatan yang pensubahat itu bertanggung oleh sebab subahat itu, menyebabkan suatu kejadian yang lain daripada yang dimaksudkan oleh pensubahat itu, maka pensubahat itu adalah bertanggung kerana kejadian yang disebabkan itu, seperti, dan setakat seolah-olah ia telah menyubahati perbuatan itu dengan niat hendak menyebabkan kejadian itu: Dengan syarat ia telah ketahui bahawa perbuatan yang disubahati itu mungkin menyebabkan kejadian itu.

MISALAN

A menghasut B supaya menyebabkan cedera parah kepada Z. B, oleh sebab hasutan itu, menyebabkan cedera parah kepada Z. Z mati akibatnya. Di sini, jika A telah ketahui bahawa cedera parah yang disubahati itu mungkin menyebabkan kematian, maka bolehlah A diseksa dengan seksaan yang diperuntukkan bagi kesalahan membunuh orang.

Seksyen 42. Pensubahat hadir manakala kesalahan dilakukan.

Apabila seseorang yang, jika sekiranya tidak hadir, boleh kena diseksa sebagai seorang pensubahat, hadir manakala perbuatan atau kesalahan yang ia boleh diseksa oleh sebab subahat itu dilakukan, maka hendaklah ia disifatkan sebagai telah melakukan perbuatan atau kesalahan itu.

Seksyen 43. Menyubahati kesalahan yang boleh disiksa dengan bunuh atau penjara seumur hidup.

Barang siapa bersubahat melakukan sesuatu kesalahan yang boleh disiksa dengan bunuh atau penjara seumur hidup hendaklah, jika kesalahan itu tidak dilakukan oleh sebab subahat itu, dan tiada apa-apa peruntukan yang nyata ditetapkan oleh Enakmen ini berkenaan dengan seksaan bagi subahat itu, disiksa sebagai takzir dengan penjara selama tempoh tidak melebihi lapan belas bulan dan bolehlah juga dikenakan denda; dan jika apa-apa perbuatan yang pensubahat itu bertanggung oleh sebab subahat itu, dan yang menyebabkan pensubahat itu dikenakan penjara selama tempoh tidak melebihi tiga puluh enam bulan, dan bolehlah juga dikenakan denda.

MISALAN

A menghasut B supaya membunuh Z. Kesalahan itu tidak dilakukan. Sekiranya B telah membunuh Z, ia mungkin boleh dikenakan seksaan bunuh. Oleh sebab itu, A bolehlah dikenakan penjara selama tempoh yang boleh sampai tempoh yang boleh sampai 18 bulan, dan juga denda; dan jika apa-apa cedera dilakukan ke atas Z oleh sebab subahat itu, maka ia bolehlah dikenakan penjara selama tempoh yang boleh sampai 36 bulan dan denda.

Seksyen 44. Menyubahati kesalahan dilakukan oleh orang awam, atau oleh seramai lebih daripada sepuluh orang.

Barang siapa menyubahati sesuatu kesalahan selain daripada kesalahan hudud dan qisas dilakukan oleh orang awam amnya, atau oleh sebilangan atau kumpulan orang seramai lebih daripada sepuluh orang, hendaklah disiksa sebagai takzir dengan penjara selama tempoh tidak melebihi tiga puluh enam bulan, atau dengan denda, atau dengan kedua-duanya.

MISALAN

A menampalkan pada suatu tempat awam sekeping pelekat, menghasut suatu mazhab yang mengandungi lebih daripada sepuluh orang ahli supaya bertemu pada suatu waktu dan tempat yang tertentu bagi maksud hendak menyerang ahli-ahli suatu mazhab yang berlawanan manakala mereka mengadakan suatu perarakan. A telah melakukan kesalahan yang ditakrifkan dalam seksyen ini.

Seksyen 45. Pegawai masjid menyembunyikan rancangan hendak melakukan kesalahan yang mana adalah kewajipannya mencegah.

Barang siapa yang menjadi seorang Pegawai Masjid, yang bermaksud hendak menyenangkan, atau yang diketahui mungkin bahawa ia akan dengan jalan itu menyenangkan, berlakunya sesuatu kesalahan selain daripada kesalahan hudud atau qisas yang mana adalah kewajipannya sebagai Pegawai Masjid itu mencegah, dengan sengaja menyembunyikan, dengan apa-apa perbuatan atau apa-apa ketinggalan yang menyalahi undang-undang, adanya sesuatu rancangan hendak melakukan kesalahan itu, atau dengan sengaja membuat apa-apa pernyataan yang ia ketahui sebagai palsu berkenaan dengan rancangan itu, hendaklah, jika kesalahan itu dilakukan, didenda tidak melebihi seratus ringgit.

BAHAGIAN IV - KESALAHAN-KESALAHAN LAIN

Seksyen 46. Tidak menunaikan sembahyang Jumaat.

Seseorang lelaki yang telah mencapai umur baligh dan yang tidak menunaikan sembahyang Jumaat di Masjid dalam kariahnya tiga kali berturut-turut dengan ketiadaan uzur syarie dan dengan ketiadaan sebab-sebab yang munasabah adalah merupakan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Seksyen 47. Fatwa tidak sah.

Seseorang yang memberi dan menghebahkan fatwa untuk diikuti oleh orang awam mengenai apa-apa soalan ajaran Islam atau Hukum Syarak, berlawanan dengan mana-mana fatwa yang dikeluarkan oleh Mufti dan yang telah diwartakan adalah merupakan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan tidak melebihi dua belas bulan atau kedua-duanya sekali dan fatwa itu jika bertulis hendaklah dirampas dan dimusnahkan sebagaimana yang diarahkan oleh Mahkamah.

Seksyen 48. Penerbitan agama yang berlawanan dengan hukum syarak.

Sesiapa mencetak, menerbitkan atau menyebarkan untuk tujuan jualan atau sebaliknya atau dengan cara lain atau sesiapa yang ada dalam miliknya mana-mana penerbitan agama memberi pengajaran atau bertujuan memberi pengajaran mengenai apa-apa perkara berlawanan dengan Hukum Syarak adalah merupakan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua belas bulan atau kedua-duanya sekali dan semua penerbitan termasuk pita rakaman dan apa-apa alat yang berkaitan hendaklah dirampas dan dimusnahkan sebagaimana diarahkan oleh Mahkamah.

Seksyen 49. Menjual makanan dan makan dalam bulan Ramadan.

(1) Seseorang yang pada waktu siang di dalam bulan Ramadan didapati makan atau minum atau membeli makanan atau minuman untuk dimakan atau diminum olehnya dengan serta-merta atau menjual atau memberi kepada orang yang beragama Islam makanan atau minuman untuk dimakan atau diminum dengan serta-merta adalah merupakan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan tersebut boleh dikenakan hukuman denda tidak lebih daripada satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan dan bagi kesalahan yang kedua atau berikutnya boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua belas bulan atau kedua-duanya sekali.

(2) Seseorang yang didapati menghisap sebarang tembakau atau seumpamanya pada waktu siang dalam bulan Ramadan adalah merupakan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan dikenakan hukuman denda tidak lebih daripada lima ratus ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga bulan dan bagi kesalahan yang kedua atau berikutnya, denda tidak melebihi daripada satu ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Seksyen 50. Minuman yang memabukkan.

(1) Mana-mana orang yang minum arak atau sebarang minuman yang memabukkan adalah merupakan satu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua belas bulan atau kedua-duanya sekali.

(2) Mana-mana orang yang membuat, menjual, menghadiah, mempamerkan untuk jualan, menyimpan atau membeli apa-apa arak atau minuman yang memabukkan adalah merupakan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh empat bulan atau kedua-duanya sekali.

Seksyen 51. Anggapan.

Di mana seseorang yang melanggar syarat-syarat daripada seksyen 49 atau 50 daripada Enakmen ini telah menjual sesuatu barang sebagai orang makan gaji kepada seseorang yang lain, maka majikannya hendaklah dianggap telah bersubahat melakukan kesalahan itu dan telah menyebabkan kejadiannya itu dengan jalan bersubahat melainkan ia mengesahkan bahawa kesalahan itu dilakukan dengan tiada suruhan, pengetahuan atau persetujuannya dan bahawa ia telah mengambil langkah munasabah untuk mengelakkan kejadian itu.

Seksyen 52. Percubaan persetubuhan haram.

Mana-mana orang yang melakukan perbuatan percubaan persetubuhan haram adalah merupakan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan tersebut boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga puluh enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Seksyen 53. Bersekediaman.

(1) Seorang lelaki yang didapati bersekediaman atau berkurung atau bersunyian yang mendatangkan syak di mana-mana tempat dengan seorang perempuan yang bukan muhrimnya selain daripada isterinya adalah merupakan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan tersebut boleh dikenakan hukuman denda tidak lebih daripada tiga ribu ringgit atau di penjara selama tempoh tidak melebihi dari dua puluh empat bulan atau kedua-duanya sekali.

(2) Seseorang perempuan yang didapati bersekediaman atau berkurung atau bersunyian yang mendatangkan syak di mana-mana tempat dengan seorang lelaki yang bukan muhrimnya selain daripada suaminya adalah merupakan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan tersebut boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh empat bulan atau kedua-duanya sekali.

(3) Seorang lelaki didapati bersama-sama dengan lebih daripada seorang perempuan yang bukan isterinya atau bukan muhrimnya di tempat yang sunyi atau di dalam sebuah bilik mana-mana bangunan atau di tempat yang terasing dalam keadaan yang mendatangkan syak bahawa mereka akan melakukan maksiat adalah merupakan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan tersebut boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh empat bulan atau kedua-dua sekali.

(4) Seseorang perempuan didapati bersama-sama dengan lebih daripada seorang lelaki yang bukan suaminya atau bukan muhrimnya di tempat yang sunyi atau di dalam sebuah bilik pada mana-mana bangunan atau di tempat yang terasing di dalam keadaan yang mendatangkan syak bahawa mereka akan melakukan maksiat adalah merupakan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan tersebut bolehlah dikenakan hukuman denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh empat bulan atau kedua-duanya sekali.

Seksyen 54. Hamil di luar nikah.

Seseorang perempuan yang didapati hamil atau melahirkan anak di luar nikah adalah merupakan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi daripada tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh empat bulan atau kedua-duanya sekali.

Seksyen 55. Bersubahat melakukan kesalahan persetubuhan haram.

Seseorang yang bersubahat melakukan persetubuhan haram adalah merupakan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak lebih daripada tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak lebih daripada dua puluh empat bulan atau kedua-duanya sekali.

Seksyen 56. Liwat.

Mana-mana orang dengan sengaja melakukan liwat adalah bersalah atas suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi daripada lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga puluh enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Seksyen 57. Percubaan liwat.

Mana-mana orang dengan sengaja cuba melakukan liwat adalah merupakan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi daripada lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga puluh enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Seksyen 58. Perhubungan jenis luar tabii.

Sesiapa yang mengadakan perhubungan jenis dengan mana-mana lelaki, perempuan atau binatang dengan cara berlawanan dengan tabii semulajadi hendaklah dikenakan takzir dan apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dari tiga puluh enam bulan atau dirotan tidak melebihi enam kali rotan atau mana-mana gabungan dari hukuman tersebut.

Seksyen 59. Musahaqah.

Mana-mana seorang perempuan dengan sengaja melakukan musahaqah dengan seorang perempuan yang lain adalah merupakan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Seksyen 60. Ajaran salah.

Sesiapa yang mengajar atau menjelaskan kepada seseorang atau di tempat awam mengajar atau menjalankan sesuatu istiadat atau sesuatu perbuatan yang bertentangan dengan Hukum Syarak adalah merupakan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga puluh enam bulan atau kedua-duanya sekali dan segala dokumen bertulis dan alat-alat berkaitan ajaran salah itu hendaklah dirampas dan dimusnahkan sebagaimana yang diarahkan oleh Mahkamah.

Seksyen 61. Mempermainkan ayat al-Quran atau Hadith.

Sesiapa yang mempermainkan, mencela, mengejek-ejek dengan perkataan atau perbuatan atau menghina al-Quran atau Hadith Nabi atau perkataan yang berkaitan dengan Agama Islam adalah merupakan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga puluh enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Seksyen 62. Mempersendakan Agama Islam.

Sesiapa yang mengolok-olok, mengajuk atau mengejek-ejek akan Agama Islam, dengan perkataan atau perbuatan atau amalan atau upacara yang berkaitan dengan Agama Islam adalah merupakan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga puluh enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Seksyen 63. Menghina agama Islam.

(1) Sesiapa dengan secara lisan atau tulisan atau kelakuan yang nyata atau sebarang cara yang membawa kepada mencerca atau disifatkan sebagai menghina atau cuba mencerca atau menghina Agama Islam, perjalanan mana-mana mazhab yang muktabar, pegawai Agama, Guru Agama dan Imam yang dilantik dengan sahnya menurut undang-undang, mana-mana fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis atau Mufti di bawah peruntukan Enakmen ini, adalah merupakan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan tidak melebihi tiga puluh enam bulan atau kedua-duanya sekali.

(2) Seseorang Islam yang mendakwa dirinya sebagai seorang bukan Islam adalah merupakan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan mengikut subseksyen (1) seksyen ini kerana mempersendakan Agama Islam dan apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman yang diperuntukkan dalamnya.

Seksyen 64. Menghalang Pihak Berkuasa Agama menjalankan tugas-tugasnya.

Barang siapa dengan sengaja menghalang seseorang Pegawai Pihak Berkuasa Agama daripada menjalankan tugas-tugasnya adalah merupakan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua belas bulan atau kedua-duanya sekali.

Seksyen 65. Menghina pihak berkuasa agama.

Sesiapa yang mengingkari, melanggar, membantah atau mengeji (selain dari menjalankan hak membuat rayuan) kewibawaan dan titah perintah yang sah daripada Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Agama Islam, perintah Majlis, mana-mana Jawatankuasa Majlis pegawai mana-mana Mahkamah Syariah atau mana-mana pegawai agama, adalah merupakan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua belas bulan atau kedua-duanya sekali.

Seksyen 66. Percubaan murtad.

(1) Apabila seseorang Islam dengan sengaja, sama ada dengan perbuatan atau perkataan atau dengan cara apa jua pun, mengaku hendak keluar dari Agama Islam atau mengisytiharkan dirinya sebagai orang yang bukan Islam, Mahkamah hendaklah, jika berpuashati bahawa seseorang itu telah melakukan sesuatu yang boleh ditafsirkan telah cuba menukarkan iktikad dan kepercayaan Agama Islam sama ada dengan pengakuan atau perbuatannya sendiri, memerintahkan orang itu supaya ditahan di Pusat Bimbingan Islam untuk tempoh tidak melebihi enam bulan dengan tujuan pendidikan dan orang itu diminta bertaubat mengikut hukum syarak.

(2) Jika seseorang yang telah diperintahkan supaya ditahan di bawah subseksyen (1)-

(a) bertaubat dengan serta-merta, Mahkamah hendaklah, setelah mengesahkan taubatnya itu, membebaskan orang tersebut; atau

(b) jika orang itu pada bila-bila masa semasa dalam tahanan telah bertaubat, Pegawai Penjaga hendaklah melaporkan perkara itu kepada Mahkamah dan Mahkamah hendaklah memanggil orang itu dan setelah mengesahkan taubatnya itu, hendaklah membuat satu perintah untuk membebaskannya.

(3) Pegawai Penjaga hendaklah menyerahkan satu laporan kemajuan berhubung dengan orang yang ditahan itu kepada Mahkamah pada setiap minggu.

(4) Pusat Bimbingan Islam hendaklah diwartakan sebagai Pusat Tahanan di dalam *Warta*.

Seksyen 67. Syubahat kepada percubaan murtad.

(1) Seseorang yang bersyubahat di bawah seksyen 66 adalah merupakan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan tersebut boleh dikenakan hukuman denda tidak lebih daripada lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga puluh enam bulan atau kedua-duanya sekali.

(2) Seseorang itu boleh dianggap bersyubahat jika ia melakukan mana-mana perkara yang disebutkan di bawah Enakmen ini.

Seksyen 68. Takfir.

Seseorang yang mengatakan atau mengaitkan melalui kata-kata, sama ada bertutur atau lisan atau melalui isyarat, atau melalui apa-apa perbuatan, kegiatan atau kelakuan, atau dengan mengelola, menggalak atau memperaturkan apa-apa kegiatan, atau selainnya dengan apa jua cara, bahawa mana-mana orang yang menganuti Agama Islam atau orang-orang yang tergolong dalam mana-mana kumpulan kelas atau perihalan orang-orang yang menganuti Agama Islam-

(i) adalah orang kafir; atau

(ii) telah berhenti menganuti Agama Islam; atau

(iii) tidak dipatut diterima, atau tidak dapat diterima sebagai menganuti Agama Islam; atau

(iv) tidak mempercayai, mengikuti, menganuti atau tergolong dalam Agama Islam adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Enakmen ini dan apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga puluh enam bulan atau kedua-duanya sekali:

Dengan syarat bahawa seksyen ini tidaklah terpakai bagi-

(a) apa-apa perkara yang dilakukan oleh mana-mana Mahkamah atau pihak berkuasa agama yang ditubuhkan, dibentuk atau dilantik oleh atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis dan yang diberikan oleh undang bertulis dengan kuasa memberi atau mengeluarkan apa-apa fatwa atau keputusan atau apa-apa perkara mengenai Agama Islam; atau

(b) apa-apa perkara yang dilakukan oleh mana-mana orang menurut atau mengikut apa-apa fatwa atau keputusan yang diberi atau dikeluarkan oleh Mahkamah atau pihak berkuasa agama itu, sama ada fatwa atau keputusan itu adalah secara bertulis, sama ada ianya disiarkan dalam *Warta* ataupun tidak.

Seksyen 69. Pemujaan.

Sesiapa yang memuja pantai, pokok kayu, padang, kubur, hutan belukar, bukit atau mana-mana orang atau apa-apa benda dengan apa-apa jua cara yang bercanggah dengan Hukum Syarak adalah merupakan suatu kesalahan dan hendaklah apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lapan belas bulan atau kedua-duanya sekali dan Mahkamah boleh memerintahkan supaya alat-alat yang digunakan atau bangunan atau binaan yang digunakan bagi pemujaan itu dimusnahkan.

Seksyen 70. Mengajar agama.

(1) Sesiapa yang mengajar sesuatu perkara yang berkaitan dengan Agama Islam tanpa kebenaran bertulis daripada Majlis kecuali pada ahli-ahli keluarganya di tempat kediamannya sahaja, adalah merupakan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahannya boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga puluh enam bulan atau kedua-duanya sekali.

(2) Sesiapa yang tidak menyerahkan balik kebenaran bertulis yang telah dibatalkan adalah merupakan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Seksyen 71. Perbuatan tidak sopan.

(1) Sesiapa yang melakukan perbuatan atau berkelakuan atau berpakaian tidak sopan yang bertentangan dengan Hukum Syarak di mana-mana tempat awam adalah merupakan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

(2) Seseorang lelaki yang didapati bercumbu-cumbuan di mana-mana tempat dengan seorang perempuan adalah merupakan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

(3) Seseorang perempuan yang didapati bercumbu-cumbuan di mana-mana tempat dengan seorang lelaki adalah merupakan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Seksyen 72. Lelaki berlagak seperti perempuan.

Seseorang lelaki yang memakai pakaian perempuan dan berlagak seperti perempuan di mana-mana tempat awam tanpa alasan yang munasabah adalah merupakan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Seksyen 73. Melarikan isteri atau anak dara orang lain.

Sesiapa yang melarikan atau menyebabkan seseorang isteri atau anak dara orang lain meninggalkan rumahtangga yang ditentukan oleh suaminya atau ibu bapanya adalah merupakan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh empat bulan atau kedua-duanya sekali dan Mahkamah hendaklah memerintahkan isteri atau anak dara itu kembali kepada suaminya atau ibu bapanya.

Seksyen 74. Melacurkan isteri dan anak.

(1) Seseorang suami yang melacurkan isterinya atau membiarkan isterinya melacurkan dirinya adalah merupakan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh empat bulan atau kedua-duanya sekali.

(2) Seseorang ibu atau bapa atau penjaga yang melacurkan anaknya atau kanak-kanak yang di bawah jagaannya atau membenarkan anaknya atau kanak-kanak yang di bawah jagaannya itu melacurkan diri adalah merupakan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh empat bulan atau kedua-duanya sekali.

Seksyen 75. Melacurkan diri.

Seseorang perempuan yang melacurkan dirinya adalah merupakan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh empat bulan atau kedua-duanya sekali.

Seksyen 76. Menjual anak.

(1) Seseorang ibu atau bapa atau penjaga yang didapati menjual anaknya atau kanak-kanak yang dibawah jagaannya kepada seseorang yang bukan beragama Islam adalah merupakan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi tiga puluh enam bulan atau kedua-duanya sekali.

(2) Penjualan yang sedemikian itu adalah tidak sah dan anak itu hendaklah diserahkan di bawah jagaan Majlis.

Seksyen 77. Muncikari.

Sesiapa yang didapati menjadi muncikari adalah merupakan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi dua puluh empat bulan atau kedua-duanya sekali.

Seksyen 78. Pendudukan menyalahi undang-undang dan lain-lain, atas tanah Majlis.

Sesiapa tanpa kebenaran yang sah-

(a) menduduki atau mendirikan apa-apa bangunan atas, mana-mana tanah Majlis; atau

(b) membersihkan, memajak, menggali, memagar atau menanam atas mana-mana tanah Majlis atau sebahagian daripadanya; atau

(c) mengeluarkan apa-apa hasil atas atau dari tanah Majlis, adalah merupakan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi tiga puluh enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Seksyen 79. Penggunaan menyalahi undang-undang rang udara di atas tanah Majlis.

Sesiapa tanpa kebenaran yang sah, mengguna atau menduduki ruang udara di atas tanah Majlis dengan mendirikan, mengendalikan atau menduduki bumbung, canopy (langit-langit, sengkup), jambatan atau apa-apa binaan lain adalah merupakan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi lapan belas bulan atau kedua-duanya sekali.

Seksyen 80. Mengeluar atau mengalih bahan-bahan batu menyalahi undang-undang.

(1) Sesiapa tanpa kebenaran yang sah mengeluarkan, mengalih atau mengangkut atau membenarkan pengeluaran, pengalihan atau pengangkutan bahan-bahan batu tanah Majlis adalah merupakan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi tiga puluh enam bulan atau kedua-duanya sekali.

(2) Sesiapa yang berada di dalam jagaanya atau miliknya atau di bawah kawalannya, apa-apa bahan-bahan batu selain daripada bentuk yang menjadikan ia sebahagian asal daripada tanah di mana ia dijumpai, hendaklah dianggap telah dikeluarkan, dialihkan atau diangkut, atau membenarkan dikeluarkan, dialih atau diangkut, bahan-bahan batu itu tanpa kebenaran yang sah.

(3) Sesiapa yang dihukum atas apa-apa kesalahan di bawah seksyen ini boleh diperintahkan membayar kepada Majlis selain daripada denda yang dikenakan atas sabitan itu, pampasan sama nilai dengan nilai bahan-bahan batu yang terlibat dan atas apa-apa pokok yang tumbang atau rosak semasa pengeluaran bahan-bahan batu itu.

(4) Bagi maksud subseksyen (3) nilai apa-apa bahan-bahan atau pokok hendaklah di dalam ketiadaan keterangan di sebaliknya, mengikut apa-apa jumlah yang disahkan oleh Pegawai Tanah atau Hutan, dan apa-apa jumlah yang diperintahkan dibayar mengikut subseksyen tersebut hendaklah didapatkan seolah-olah ia adalah denda yang dikenakan ke atas sabitan.

(5) Bagi maksud seksyen 78, 79 dan 80, tanah-tanah Majlis ertinya tanah-tanah yang didaftarkan atau diletakkan atas nama Majlis.

Seksyen 81. Berjudi.

(1) Sesiapa orang Islam yang didapati hadir di tempat-tempat judi sama ada ia melakukan perjudian atau tidak, adalah merupakan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

(2) Bagi maksud subseksyen (1) di atas.

"tempat berjudi" ertinya mana-mana premis sama ada terbuka ataupun tertutup dan termasuklah bilik, pejabat atau gerai sama ada orang awam atau ahli-ahli tertentu yang mempunyai hak untuk memasukinya, mengguna atau menyimpan untuk permainan mana-mana permainan berbentuk nasib atau percampuran antara nasib dan kemahiran sama ada secara sah atau sebaliknya untuk wang atau faedah kewangan, tetapi tidak termasuk loteri persendirian dan loteri yang dianjurkan oleh Lembaga Loteri Kebajikan Masyarakat di bawah Social dan Welfare Service Lotteries Board Act 1950 and 1962.

Seksyen 82. Tidak membayar zakat dan fitrah.

(1) Sesiapa yang terkena membayar sesuatu zakat dan fitrah dan setelah tidak berjaya mendapati mengikut seksyen 51 Enakmen Pentadbiran Hukum syarak (Negeri Melaka) 1991, pembatalan atau perubahan tuntutan bayaran itu, ingkar atau dengan sengaja mungkir membayarnya adalah merupakan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga puluh enam bulan atau kedua-duanya sekali.

(2) Sesiapa yang boleh dikenakan membayar zakat dan fitrah dengan sengaja mungkir membayarnya sama ada melalui amil yang dilantik atau pihak yang diberi kuasa oleh Majlis, adalah merupakan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga puluh enam bulan atau kedua-duanya sekali.

(3) Suatu sabitan yang salah di bawah Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Negeri Melaka) 1991 hendaklah tidak menghapus hutang itu.

Seksyen 83. Tidak mengembalikan borang taksiran zakat.

Sesiapa yang didapati ingkar atau enggan membuat pengakuan diri berkenaan harta-harta yang boleh dikenakan zakat atau tidak mengembalikan borang taksiran zakat yang dipercayai telah disampaikan kepadanya dalam tempoh yang ditetapkan adalah merupakan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh dua puluh empat bulan atau kedua-duanya sekali.

Seksyen 84. Masjid dan madrasah yang tidak diluluskan.

(1) Sesiapa yang mendirikan sesebuah masjid atau mewakafkan atau dengan jalan yang lain menggunakan sesebuah bangunan yang ada, atau kerana tujuan sesebuah masjid, dengan tiada kebenaran bertulis daripada Majlis, adalah merupakan suatu kesalahan dan jika sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga puluh enam bulan atau kedua-duanya sekali dan Mahkamah hendaklah memerintahkan supaya bangunan itu diruntuhkan.

(2) Sesiapa jua yang menyertai sesuatu sembahyang Jumaat mengetahui bahawa tiada kebenaran bertulis bagi mengadakan sembahyang tersebut di masjid atau mana-mana tempat lain yang telah diberi oleh Majlis adalah merupakan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Seksyen 85. Sekolah-sekolah Agama yang tidak diluluskan.

Sesiapa yang mendirikan sekolah Agama, atau mewakafkan, atau dengan jalan yang lain menggunakan sesebuah bangunan yang ada, atau kerana tujuan sebuah sekolah Agama, dengan tiada kebenaran bertulis menurut seksyen di bawah Enakmen Pengawalan Sekolah-sekolah Agama Melaka 1988 adalah merupakan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga puluh enam bulan atau kedua-duanya sekali dan Mahkamah hendaklah memerintahkan supaya Sekolah Agama itu ditutup. Kegagalan mematuhi perintah Mahkamah, orang yang disabitkan kesalahan boleh dikenakan denda berterusan tidak melebihi dua ratus ringgit tiap-tiap sehari dalam tempoh perintah tidak dipatuhi.

Seksyen 86. Ingkar perintah Ramadan, Hari Raya Fitrah, Hari Raya Haji.

Sesiapa yang mengingkari sesuatu perintah yang sah daripada Yang di-Pertuan Agong berkenaan dengan awal Ramadan, Hari Raya Fitrah atau Hari Raya Haji adalah merupakan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lapan belas bulan atau kedua-duanya sekali.

Seksyen 87. Pecah amanah.

Sesiapa yang telah diberi amanah dan bertanggungjawab oleh Undang-undang ini dengan kewajiban mendaftar sesuatu perkara atau perbicaraan, atau membuat, menyedia, menyimpan atau menjaga sesuatu senarai hasil, penyata, buku akaun, anggaran, daftar, resit, catatan mesyuarat atau senarai pendermaan atau mengeluarkan suatu surat atau sijil, atau salinan yang sah, resit atau salinan yang sah,

menipu atau meniru tandatangan pegawai yang diberi kuasa, enggan atau dengan sengaja lalai atau mungkir menjalankannya dengan satu cara yang tidak sah atau menyalahi Undang-undang adalah merupakan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga puluh enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Seksyen 88. Memecahkan rahsia.

Sesiapa yang dengan tidak sepatutnya menyata atau membuka suatu perkara, yang menjadi kewajipannya untuk merahsiakannya kepada seseorang yang tidak berhak di sisi Undang-Undang untuk diberitahukan hal itu, adalah merupakan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lapan belas bulan atau kedua-duanya sekali.

Seksyen 89. Pungutan yang tak sah.

Sesiapa yang membuat atau mengambil bahagian di dalam sesuatu pungutan yang berlawanan dengan Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Negeri Melaka) 1991 adalah merupakan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lapan belas bulan atau kedua-duanya sekali dan Mahkamah hendaklah memerintahkan supaya semua wang pungutan yang telah diperolehi dirampas dan dimasukkan ke dalam Baitulmal.

Seksyen 90. Pemberian maklumat palsu kepada Pendaftar Saudara Baru.

Seseorang yang pada masa memohon untuk didaftarkan di bawah Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Negeri Melaka) 1991 atau sebagai jawapan kepada sebarang permintaan untuk maklumat atau keterangan yang dibuat oleh Pendaftar Saudara Baru di bawah Enakmen tersebut dengan sengaja memberi kepada Pendaftar Saudara baru sebarang maklumat palsu atau yang mengelirukan adalah merupakan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Seksyen 91. Percubaan.

Sesiapa yang cuba melakukan mana-mana kesalahan terhadap Enakmen ini hendaklah, melainkan diperuntukkan sebaliknya, dihukum dengan hukuman yang sama seolah-olah melakukan ianya melakukan kesalahan yang demikian.

Seksyen 92. Takzir.

Tanpa menyentuh peruntukan-peruntukan mana-mana Undang-undang bertulis lain, Mahkamah bolehlah mengenakan hukuman takzir ke atas mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah Hukum Syarak yang tidak diperuntukkan oleh Enakmen ini dan apabila disabitkan orang itu hendaklah dikenakan hukuman denda tidak melebihi lima ratus ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Seksyen 93. Pemansuhan.

(1) Bahagian IX, Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak 1959 [*En.1/59*] adalah dengan ini dimansuhkan dengan syarat bahawa segala perbicaraan yang telah dimulakan di bawah Enakmen tersebut yang dengan ini dimansuhkan hendaklah berterusan seolah-olah Enakmen ini belum diluluskan.

(2) Pemansuhan ini tidak menyentuh perjalanan Enakmen tersebut yang dimansuhkan terdahulu atau apa-apa perkara yang dilakukan atau bertanggung di bawahnya atau apa-apa hak, keistimewaan, kewajipan atau lebaliti yang diperolehi, terakru atau berlaku di bawahnya.

Seksyen 94. Pindaan Enakmen Prosedur Jenayah Syariah 1986.

(1) Enakmen Prosedur Jenayah Syariah 1986 adalah dengan ini dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "seksyen-seksyen 149, 149A, 149B, 149C, 151A, 155A(1), 157 dan 158A(2) Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak 1959" yang terdapat di dalam seksyen 19(1) (a) dan seksyen 43(1)(d) di dalam Enakmen berkenaan, dengan perkataan-perkataan "seksyen-seksyen 52, 53, 55 hingga 60, 66, 68 hingga 76, 80, 83 dan 84 Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991".

(2) Enakmen Prosedur Jenayah Syariah 1986 adalah dengan ini dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak 1959" di mana-mana ianya kedapatan dengan perkataan-perkataan "Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991".

Diluluskan dalam Mesyuarat Dewan Undangan Negeri yang telah bersidang pada 18hb. September, 1991.

TENGGU MUHAMAD BIN TENGGU ABDULLAH,
*Setiausaha Dewan Undangan Negeri,
Melaka*

[JKMM.S. 137/6/1 Klt. 4; PUN(M) 351/11/1]